

AKTA RAHSIA RASMI 1972 (AKTA 88)



**PEJABAT KETUA PEGAWAI
KESELAMATAN KERAJAAN MALAYSIA
CHIEF GOVERNMENT SECURITY
OFFICE (CGSO)**

NEGERI SARAWAK

JABATAN PERDANA MENTERI

Tingkat 3, Bangunan Marzuki
Lot 8357, Section 65
Jalan Tun Haji Abdul Rahman Yaakub
93050 Petra Jaya, Kuching, Sarawak

'RAHSIAKAN RAHSIA KERAJAAN'



CGSO

"Lindungi Aset Negara"



DOKUMEN INI ADALAH DOKUMEN RASMI YANG DITERBITKAN BAGI PIHAK YANG DIBENARKAN SAHAJA. PENYAMPAIAN SEMULA KEPADA SESIAPA TANPA PENGETAHUAN DAN PERSETUJUAN PIHAK CGSO ADALAH TIDAK DIBENARKAN. SILA PATUHI TATACARA KAWALAN DOKUMEN

'RAHSIAKAN RAHSIA KERAJAAN'






CGSO

"Lindungi Aset Negara"

UNDANG – UNDANG DAN DOKUMEN RUJUKAN BERKAITAN



**Akta Rahsia Rasmi 1972
OSA 1972
AKTA 88**




Berdasarkan terma rujukan di
**Bab 4 & 5: Keselamatan Rahsia
Rasmi, Arahan Keselamatan
(Semakan dan Pindaan 2017)**



Surat Pekeliling Am Bilangan 8 Tahun 2024 – Garis Panduan Pengurusan Dan Pengendalian Rahsia Rasmi Dalam Perkhidmatan Awam yang telah berkuat kuasa mulai 22 Julai 2024

Surat Edaran Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan Bilangan 1 Tahun 2021: Peringatan berhubung kepentingan melindungi kerahsiaan maklumat kerajaan dari ancaman kebocoran



PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN MALAYSIA
JABATAN PERDANA MENTERI



SKOP CERAMAH :

- PENGENALAN
- LATAR BELAKANG
- DEFINISI
- PENGELASAN RAHSIA RASMI
- BORANG PENGELASAN ICT
- PERUNTUKAN AKTA RAHSIA RASMI
- PERUNTUKAN KESALAHAN-KESALAHAN
- PERAKUAN BERKAITAN AKTA RAHSIA RASMI
- LANGKAH PENCEGAHAN / PERINGATAN



CGSO

"Lindungi Aset Negara"

PENGENALAN

AKTA 88

Suatu Akta bagi meminda dan menyatukan undang-undang berhubung dengan perlindungan rahsia rasmi.

[1hb Oktober 1972]



PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN MALAYSIA
JABATAN PERDANA MENTERI

LATAR BELAKANG

AKTA RAHSIA RASMI DI MALAYSIA :

- NEGERI-NEGERI SELAT (OFFICIAL SECRET ORDINANCE SETTLEMENT STRAITS CAP 102)
- NEGERI-NEGERI BERSEKUTU (OFFICIAL SECRET ENACTMENT 1920)
- NEGERI-NEGERI TIDAK BERSEKUTU (OSA 1939)
- NEGERI JOHOR (OFFICIAL SECRET ENACTMENT 1923)
- NEGERI SABAH (OFFICIAL SECRET ORDINANCE 1921)
- NEGERI SARAWAK (OFFICIAL SECRET ORDINANCE 1939)



CGSO

"Lindungi Aset Negara"

Latar belakang Akta Rahsia Rasmi di Malaysia:

1950 - Semua undang-undang berkaitan Rahsia Rasmi (kecuali Sabah dan Sarawak) digabungkan sebagai Official Secret Ordinance 1950.

1972 - Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88)





CGSO

"Lindungi Aset Negara"

LATAR BELAKANG - PINDAAN

Pindaan 1984

- Tafsiran Agen Negara Asing
- Penalti Pengintipan
- Peraturan Oleh Menteri

Pindaan 1986

- Tafsiran Rahsia Rasmi
- Pengelasan
- Perlantikan Pegawai Awam
- Pengelasan Semula
- Perakuan oleh Penjawat Awam
- Pembelaan yang sedia ada
- Pindaan Peruntukan - Mandatori



DEFINISI : RAHSIA RASMI

“**rahsia rasmi**” ertinya apa-apa suratan yang dinyatakan dalam Jadual dan apa-apa maklumat dan bahan berhubungan dengannya dan termasuklah apa-apa suratan rasmi, maklumat dan bahan lain sebagaimana yang boleh dikelaskan sebagai ‘**Rahsia Besar**’, ‘**Rahsia**’, ‘**Sulit**’ atau ‘**Terhad**’ mengikut mana yang berkenaan, oleh seorang **Menteri, Menteri Besar atau Ketua Menteri** sesuatu Negeri atau **mana-mana pegawai awam** yang dilantik di bawah **Seksyen 2B, Akta Rahsia Rasmi**.



DEFINISI : RAHSIA RASMI (AKTA 88)

RAHSIA BESAR

Dokumen rasmi, maklumat rasmi dan bahan rasmi yang jika didedahkan, tanpa kebenaran akan menyebabkan kerosakan yang amat besar kepada Malaysia.

RAHSIA

Dokumen rasmi, maklumat rasmi dan bahan rasmi yang jika didedahkan tanpa kebenaran akan membahayakan keselamatan negara, menyebabkan kerosakan besar kepada kepentingan dan martabat Malaysia atau memberi keuntungan besar kepada sesebuah kuasa asing.

SULIT

Dokumen rasmi, maklumat rasmi dan bahan rasmi, jika didedahkan tanpa kebenaran walaupun tidak membahayakan keselamatan tetapi memudaratkan kegiatan Kerajaan atau individu atau menyebabkan keadaan malu, kesusahan kepada pentadbiran atau akan memberikan keuntungan kepada kuasa asing.

TERHAD

Dokumen rasmi, maklumat rasmi dan bahan rasmi selain daripada yang diperingkatkan Rahsia Besar, Rahsia atau Sulit tetapi perlu juga diberi perlindungan keselamatan hendaklah diperingkatkan sebagai Terhad.



JADUAL AKTA RAHSIA RASMI 1972

32 *Undang-Undang Malaysia* **AKTA 88**

JADUAL

[Seksyen 2A]

Dokumen, rekod keputusan dan penimbangtelitian Jemaah Menteri termasuk dokumen, rekod keputusan dan penimbangtelitian jawatankuasa Jemaah Menteri;

Dokumen, rekod keputusan dan penimbangtelitian Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri termasuk dokumen, rekod keputusan dan penimbangtelitian jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri;

Dokumen berkenaan dengan keselamatan negara, pertahanan dan hubungan antarabangsa.

SCHEDULE

[Section 2A]

Cabinet documents, records of decisions and deliberations including those of Cabinet committees;

State Executive Council documents, records of decisions and deliberations including those of State Executive Council committees;

Documents concerning national security, defence and international relations.



CGSO

"Lindungi Aset Negara"

JADUAL AKTA RAHSIA RASMI 1972

Suratan, rekod keputusan dan pertimbangan Jemaah Menteri termasuklah juga suratan, rekod keputusan dan pertimbangan jawatankuasa - jawatankuasa Jemaah Menteri.



Jadual

Akta Rahsia Rasmi 1972

**Suratan, rekod keputusan dan pertimbangan
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri termasuklah
juga suratan, rekod keputusan dan
pertimbangan jawatankuasa - jawatankuasa
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.**



Jadual Akta Rahsia Rasmi 1972

**Suratan berkenaan dengan
keselamatan negara,
pertahanan dan
Perhubungan antarabangsa.**

PERUNTUKAN AKTA RAHSIA RASMI

SEKSYEN 2A – MENAMBAH, MEMOTONG ATAU MEMINDA JADUAL

Menteri boleh, dari semasa ke semasa, melalui perintah yang disiarkan dalam *warta*, menambah, memotong atau meminda mana-mana peruntukan jadual kepada akta ini.



CGSO

"Lindungi Aset Negara"

PERUNTUKAN AKTA RAHSIA RASMI

Seksyen 2B – Perlantikan pegawai untuk mengelaskan surat rasmi, dsb.

Seseorang **Menteri, Menteri Besar atau Ketua Menteri** sesuatu Negeri boleh melantik mana-mana **pegawai awam melalui suatu perakuan di bawah tandatangannya** untuk mengelaskan apa-apa surat rasmi, maklumat atau bahan sebagai 'Rahsia Besar', 'Rahsia', 'Sulit' atau bahan sebagai 'Rahsia Besar', 'Rahsia', 'Sulit' atau 'Terhad', mengikut mana yang berkenaan.



SEKSYEN 2B – AKTA 88 PERLANTIKAN PEGAWAI PENGELAS




AKTA RAHSIA RASMI 1972
PELANTIKAN DI BAWAH SEKSYEN 2B

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88) Seksyen 2B, saya Datuk Patinggi (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari Bin Tun Datuk Abang Haji Openg, Ketua Menteri Sarawak dengan ini melantik:

DATU ANTONIO KAHTI GALIS
SETIAUSAHA TETAP
KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN
DAN PERUMAHAN SARAWAK

Seorang Pegawai Awam untuk mengelaskan apa-apa suratan rasmi, maklumat atau bahan sebagai **Rahsia Besar, Rahsia, Sulit** atau Terhad.



DATUK PATINGGI (DR) ABANG HAJI ABDUL RAHMAN ZOHARI
BIN TUN DATUK ABANG HAJI OPENG

Tarikh : 21/8/2020
No. Siri : JKM.UKPN/PPGLS/305-2020

PROSES PENGELASAN MENGGUNAKAN BUKU DAFTAR SURATAN RAHSIA RASMI

JADUAL – AM 492

LUAR JADUAL – AM 492 A


Bil.	Tarikh Surat	Regukan Surat	Perkara	Dikeluarkan oleh Kertas/Dok	Perkara	Dikeluarkan oleh	Tindakan	Catatan
1.	17/1/15	Jem/UMD/400(S)-4/3 Jad II (S)	Proposed Input To be Incorporated into The minutes Report from The Chief Minister and Minister For Finance Seeking Approval from members for The 2014 Auditor General's Activity Reports, Series 1 and 2 To be laid before Dewan Undangan Negeri	Jem/Unit Audit Dalam	SULIT			
2.	22/2/16	Jem/UMD/100(S)-2/9 (S) (Kertas Kerja Sulit) Yassin Kapada Yag Rana Menteri Besar (M)	Kertas Kerja: Change of Designations of members of State Audit and Compliance Committee, and Appointment of An Additional Member of SAC	Jem/Unit Audit Dalam	RASIA			
3.	27/2/16	Jem/UMD/100(S)-2/9 (S) (Kertas Kerja Menteri)	Kertas Kerja: Change of Designations of members of State Audit and Compliance Committee (SACC), and Appointment of An Additional member of SAC	Jem/Unit Audit Dalam	RASIA			
4.	29/3/16	Jem/UMD/100(S)-2/9 (S) (Kertas Kerja Menteri)	Kertas Kerja: Change of Designations of members of State Audit and Compliance Committee (SACC), and Appointment of An Additional member of SAC	Jem/Unit Audit Dalam	RASIA			
5.	29/3/16	Jem/UMD/100(S)-2/9 (S) (Kertas Kerja Menteri)	Kertas Kerja: Change of Designations of members of State Audit and Compliance Committee (SACC), and Appointment of An Additional member of SAC	Jem/Unit Audit Dalam	RASIA			

Bil.	Tarikh Surat	Regukan Surat	Perkara	Pengelasan	Dikeluarkan oleh	Tindakan	Catatan
299.	31/1/2013	JPS/UMD/500(S)-3/2 Jid. 1 (S)	Pengelasan Dalam Perkhidmatan	SULIT	TOIEYAH BINTI HAJI TIOH PENGARAH AUDIT DALAM JUSAG	<i>[Signature]</i>	
300.	02-04-2022	JPS/UMD/500(S)-3/2-704-4447					
301.	11-08-2023	JPS/UMD/500(S)-3/2-704-4447					
320.	15-08-2023	JPS/UMD/600(S)-3/20 (S)	Pajak Amak-tan dan Membekalkan Jalan-Jalan Di Kawasan DUN N-7 di Jabatan Kerja Raya Bahagian Miri	SULIT	TOIEYAH BINTI HAJI TIOH PENGARAH AUDIT DALAM JUSAG	<i>[Signature]</i>	
321.	29-08-2023	JPS/UMD/500(S)-3/19 (S)	Tindakan Disiplin Bagi Usulan Penghasilan Dalam Perkhidmatan	SULIT	TOIEYAH BINTI HAJI TIOH PENGARAH AUDIT DALAM JUSAG	<i>[Signature]</i>	
322.	30-08-2023	JPS/UMD/100(S)-8/10/2 (S)	Aduan Mengenai Penyalahgunaan Kuasa Oleh Pengarah Jabatan Kerja Raya Sarawak	SULIT	TOIEYAH BINTI HAJI TIOH PENGARAH AUDIT DALAM JUSAG	<i>[Signature]</i>	
323.	26-09-2023	JPS/UMD/500(S)-3/2 Jid. 1 (S)	Pengelasan Dalam Perkhidmatan	SULIT	TOIEYAH BINTI HAJI TIOH PENGARAH AUDIT DALAM JUSAG	<i>[Signature]</i>	
324.	08-09-2023	JPS/UMD/500(S)-3/2 Jid. 1 (S)	Pemilihan Pengisian Jawatan Jurualat, Grad Unit (Jawatan Berasaskan Cawangan)	SULIT	TOIEYAH BINTI HAJI TIOH PENGARAH AUDIT DALAM JUSAG	<i>[Signature]</i>	
325.	18-09-2023	JPS/UMD/100(S)-19/1 (S)	Notis Tindakan Bagi Penerimaan di Unit Audit Dalam, Jabatan Premier Sarawak	SULIT	TOIEYAH BINTI HAJI TIOH PENGARAH AUDIT DALAM JUSAG	<i>[Signature]</i>	



PERENGKAN 124 HINGGA 127 – PENGELASAN DAN PENGELASAN SEMULA RAHSIA RASMI


JADUAL



Buku Daftar Am 492

TIDAK MEMERLUKAN
Tandatangan Pegawai Pengelas

LUAR JADUAL



Buku Daftar Am 492A



MEMERLUKAN Tandatangan Pegawai Pengelas di
bawah Seksyen 2B Akta Rahsia Rasmi

PENGELASAN RAHSIA RASMI BAGI DATA/MAKLUMAT ELEKTRONIK ATAU SISTEM APLIKASI

Pengelasan Rahsia Rasmi

Aplikasi atau modul sistem elektronik
Jabatan.

Borang Daftar Klasifikasi Aplikasi/ Modul
Rahsia Rasmi Secara Elektronik.

Borang Daftar Aplikasi/Modul	
BORANG DAFTAR KLASIFIKASI APLIKASI/MODUL RAHSIA RASMI ELEKTRONIK	
BUTIR-BUTIR JABATAN	
(1) Kementerian/Jabatan/Agensi:	(2) Bahagian/Cawangan/Unit:
(3) Alamat:	
(4) Pemula Aplikasi/Modul [Jika tidak sama dengan (1)]	(5) Telefon:
(6) No Faksimili:	(7) Alamat e-mel:
PERIHAL MENGENAI APLIKASI/MODUL	
(8) Tajuk Fail / Nama Fail:	
(9) Format Aplikasi/Modul:	
(10) Jumlah/Saiz dalam Bit:	
(11) Jenis Media:	
(12) Peringkat/ Klasifikasi Aplikasi/Modul: TERHAD/SULIT/RAHSIA/RAHSIA BESAR	
(13) Lokasi Aplikasi/ Modul:	
(14) Perihal Aplikasi/Modul [Sila lengkapkan]:	
(15) Mengikut seksyen 2B Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88], saya mengelaskan aplikasi/modul di atas sebagai TERHAD/SULIT/RAHSIA/RAHSIA BESAR	
Nama Pegawai Pengelas:	Tandatangan dan Meterai/Cap Jabatan:
Jawatan:	Tarikh:



Lampiran 2A

Lampiran 2B



Borang Daftar Maklumat	
BORANG DAFTAR KLASIFIKASI MAKLUMAT RAHSIA RASMI ELEKTRONIK	
BUTIR-BUTIR JABATAN	
(1) Kementerian/Jabatan/Agensi:	(2) Bahagian/Cawangan/Unit:
(3) Alamat:	
(4) Pemula Maklumat [Jika tidak sama dengan (1)]	(5) Telefon:
(6) No Faksimili:	(7) Alamat e-mel:
PERIHAL MENGENAI MAKLUMAT RAHSIA RASMI ELEKTRONIK	
(8) Tajuk Fail / Nama Fail:	
(9) Format Maklumat:	
(10) Jumlah/Saiz dalam Bit:	
(11) Jenis Media Storan:	
(12) Peringkat/ Klasifikasi Maklumat: TERHAD/SULIT/RAHSIA/RAHSIA BESAR	
(13) Lokasi Maklumat dan Bahan:	
(14) Perihal Maklumat [Sila lengkapkan]:	
(15) Nilai Checksum:	
(16) Mengikut seksyen 2B Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88], saya mengelaskan maklumat di atas sebagai TERHAD/SULIT/RAHSIA/RAHSIA BESAR	
Nama Pegawai Pengelas:	Tandatangan dan Meterai/Cap Jabatan:
Jawatan:	Tarikh:

Pengelasan Rahsia Rasmi

Data atau maklumat elektronik Jabatan .

Borang Daftar Klasifikasi Maklumat
Rahsia Rasmi Elektronik.





CGSO

"Lindungi Aset Negara"

Peruntukan Akta Rahsia Rasmi

Seksyen 2C – Pengelasan semula rahsia rasmi oleh Menteri atau pegawai awam.


Seseorang **Menteri atau pegawai awam yang dipertanggungjawabkan dengan apa-apa tanggungjawab** terhadap mana-mana Kementerian, jabatan atau mana-mana perkhidmatan awam atau Menteri Besar atau Ketua Menteri sesuatu Negeri atau ketua pegawai yang menjaga hal-ehwal pentadbiran sesuatu Negeri **boleh, pada bila-bila masa, mengelaskan semula** apa-apa suratan yang di nyatakan dalam Jadual atau apa-apa suratan rasmi, maklumat atau bahan sebagaimana yang telah dikelaskan dan selepas pengelasan semula itu, suratan, maklumat atau bahan tersebut hendaklah **terhenti** menjadi rahsia rasmi.




PERENGGAN 124 HINGGA 127 – PENGELASAN DAN PENGELASAN SEMULA RAHSIA RASMI

PROSES PENGELASAN SEMULA RAHSIA RASMI

MEMERLUKAN Tandatangan Pegawai Pengelasan Semula di bawah Seksyen 2C Akta Rahsia Rasmi
ATAU Akta Perwakilan Kuasa 1956 (Akta 358)



JADUAL - Buku Daftar Am 492



LUAR JADUAL - Buku Daftar Am 492 B



CGSO

"Lindungi Aset Negara"

PERUNTUKAN KESALAHAN

Seksyen 3 – Penalti bagi Pengintipan

Jika, bagi apa-apa maksud yang mudarat kepada keselamatan atau kepentingan Malaysia, seseorang :

- i. menghampiri, memeriksa, melalui atau berada disekitar atau memasuki sesuatu tempat larangan;
- ii. membuat sesuatu suratn yang dikira menjadi atau yang mungkin atau yang dimaksudkan menjadi berguna secara langsung atau secara tak langsung kepada sesuatu negeri asing;
- iii. mendapatkan, mengumpul, merakam, menyar atau menyampaikan kepada seseorang lain sesuatu perkataan kod, isyarat timbal, atau kata jodoh rasmi yang rahsia, atau apa-apa benda, suratn atau maklumat yang dikira menjadi atau yang mungkin menjadi berguna secara langsung atau tak langsung kepada sesuatu negeri asing,

Maka orang itu adalah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan penjara seumur hidup.





CGSO

"Lindungi Aset Negara"

Seksyen 4 (1) – Larangan mengambil atau membuat apa-apa suratan, ukuran, ukuran dalam atau kerja ukur mengenai atau dalam sesuatu tempat larangan

Larangan mengambil atau membuat apa-apa suratan, ukuran, ukuran dalam atau kerja ukur mengenai atau dalam sesuatu tempat larangan adalah suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan penjara selama tempoh tidak kurang daripada *satu tahun tetapi tidak lebih daripada empat belas tahun*.



Seksyen 7A - *Kewajipan melapor permintaan bagi maklumat dll.*

Seseorang yang dengan apa juga cara dihampiri oleh mana-mana orang lain secara langsung atau secara tak langsung bagi mendapatkan untuk atau membekalkan kepada orang lain itu sesuatu rahsia rasmi atau sesuatu perkataan kod, isyarat timbal atau kata jodoh yang rasmi yang;—

- a. berhubungan dengan sesuatu tempat larangan;
- b. berhubungan dengan kelengkapan perang dan;
- c. telah dibuat atau didapatkan bersalahan dengan Akta ini, atau
- d. telah diamanahkan sebagai rahsia kepadanya;
- e. dibuat atau didapati, atau dia mempunyai akses.

selain dari menjalankan tugasnya, hendaklah dengan serta merta melaporkan perhubungan itu kepada pegawai polis yg berpangkat Inspektor atau ke atas, jika pegawai awam adalah mencukupi melaporkan secara bertulis kepada Ketua Jabatan..

Suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan *penjara selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun tetapi tidak lebih daripada lima tahun.*



Seksyen 7B – Meletakkan diri ke dalam kepercayaan agen negara asing.

Seseorang yang melakukan apa-apa perbuatan supaya meletakkan atau mungkin meletakkan dirinya dalam kepercayaan mana-mana agen negara asing adalah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan *penjara* selama tempoh tidak kurang *daripada satu tahun tetapi tidak lebih daripada lima tahun*.

SEKSYEN 8(1) – MENYAMPAIKAN RAHSIA RASMI DENGAN SALAH

- menyampaikan,
- menggunakan,
- menyimpan dalam milik,
- tidak menjaga rahsia rasmi dengan cara yang berpatutan, atau,
- bertingkah laku sehingga membahayakan keselamatan sesuatu rahsia rasmi.

Penjara tidak kurang daripada 1 tahun tetapi tidak lebih daripada 7 tahun



CGSO

"Lindungi Aset Negara"

SEKSYEN 9 (2)

JIKA, BAGI APA-APA MAKSUD YANG MUDARAT KEPADA KESELAMATAN ATAU KEPENTINGAN MALAYSIA, SESEORANG;

- menyimpan suratan rasmi
- membenarkan seseorang lain memiliki
- tidak memulangkannya
- ada dalam miliknya sesuatu anak kunci
- dengan diketahui membuat pernyataan palsu

adalah suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan *penjara selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun tetapi tidak lebih daripada tujuh tahun.*





CGSO

"Lindungi Aset Negara"

Seksyen 11- Kewajipan memberi maklumat diminta oleh :-

- Pegawai Polis berpangkat lebih tinggi daripada Inspektor;
- Anggota angkatan tentera;
- Pegawai awam yang diberi kuasa oleh Menteri

Apabila seseorang tidak memberi maklumat yang diminta ia adalah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan penjara selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun tetapi tidak lebih daripada tujuh tahun.





CGSO

"Lindungi Aset Negara"

SEKSYEN 13(1) - MELINDUNG

Seorang yang mengetahui atau ada alasan yang munasabah bagi mensyaki seorang lain hampir hendak melakukan atau telah melakukan sesuatu kesalahan di bawah Akta Rahsia Rasmi-

- melindungi orang lain itu; atau
- membenarkan orang lain itu bertemu atau berhimpun dimana-mana premis yang didudukinya

Penjara selama tempoh tidak kurang daripada 1 tahun tetapi tidak lebih daripada 7 tahun.





CGSO

"Lindungi Aset Negara"

SEKSYEN 13 (2) - MELINDUNG

Jika seseorang tidak menzahirkan apabila diminta maklumat tentang Seksyen 13 (1) maka ia adalah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan penjara tidak lebih daripada 7 tahun atau denda tidak lebih 10,000 atau penjara dan denda itu kedua-duanya.





CGSO

"Lindungi Aset Negara"

SEKSYEN 14 - PERCUBAAN, PENGAPIAN DSB.

Jika seseorang;-

- mencuba melakukan sesuatu kesalahan
- mengajak-ajak atau mengapiakan atau berusaha memujuk atau bermuafakat...
- membantu / menyubahati / melakukan apa-apa perbuatan sebagai persediaan ...

maka ia boleh dikenakan hukuman-hukuman yang sama, dan diambil tindakan dengan cara yang sama seolah-olah ia telah melakukan kesalahan itu.





CGSO

"Lindungi Aset Negara"

SEKSYEN 16A- PERAKUAN OLEH PEGAWAI AWAM MENJADI KETERANGAN YANG KONKLUSIF.

Suatu perakuan oleh seorang Ketua Pentadbiran Awam bagi mana-mana perkhidmatan awam atau oleh Ketua Pegawai yang menjaga hal-ehwal pentadbiran sesuatu Negeri yang memperakukan sesuatu surat rasmi, maklumat atau bahan dengan menyatakan yang ianya suatu rahsia rasmi hendaklah menjadi keterangan yang konklusif bahawa surat, maklumat atau bahan itu adalah suatu rahsia rasmi dan tidaklah boleh dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah atas apa-apa jua alasan.



SEKSYEN 17A - PEMBELAAN SEDIA ADA KEPADA PEGAWAI AWAM

Mana-mana orang yang dipertuduh dengan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini tidaklah boleh disabitkan jika dia membuktikan yang dia melakukan mana-mana perkara itu dalam menjalankan tugas rasminya atau dengan kuasa sepatutnya.



CGSO

"Lindungi Aset Negara"

SEKSYEN 30A – MENTERI BOLEH MEMBUAT PERATURAN- PERATURAN BAGI MELAKSANAKAN MAKSUD AKTA INI.

- a) menetapkan cara mengelaskan maklumat, surat dan bahan-bahan lain;
- b) menetapkan prosedur bagi pengendalian, penyimpanan dan penghantaran surat rahsia rasmi dan maklumat-maklumat lain;
- c) menetapkan cara melupuskan surat rasmi yang dibuang;
- d) menetapkan cara penyampaian maklumat rasmi;





CGSO

"Lindungi Aset Negara"

Seksyen 30A - Menteri boleh membuat peraturan- peraturan bagi melaksanakan maksud Akta ini.

- e) menetapkan semua perkara lain yang perlu bagi melindungi keselamatan atau kerahsiaan mana-mana maklumat atau benda;
- f) membuat peruntukan mengenai kesalahan dan penalti-penalti tidak melebihi denda sebanyak lima ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun kerana melanggar mana-mana peruntukan peraturan-peraturan; dan
- g) membuat peruntukan mengenai hal mengkompaun mana-mana kesalahan seperti itu.





CGSO

"Lindungi Aset Negara"

LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN / PERINGATAN



PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN MALAYSIA
JABATAN PERDANA MENTERI

PERAKUAN BERKAITAN AKTA RAHISA RASMI 1972

PERAKUAN UNTUK DITANDATANGANI OLEH PEGAWAI AWAM BERKAITAN DENGAN AKTA RAHSIA RASMI 1972 [AKTA 88]

Adalah saya dengan ini mengaku bahawa perhatian saya telah ditarik kepada peruntukan-peruntukan Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88] dan bahawa saya faham dengan sepenuhnya akan segala yang dimaksudkan dalam Akta itu. Khususnya saya faham bahawa menyampaikan, menggunakan atau menyimpan dengan salah dan tidak menjaga dengan cara yang berpatutan sesuatu rahsia rasmi dan surat rasmi atau apa-apa tingkah laku yang membahayakan keselamatan atau kerahsiaan sesuatu rahsia rasmi adalah menjadi suatu kesalahan di bawah seksyen 8 Akta tersebut, yang boleh dihukum dengan penjara selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun tetapi tidak lebih daripada tujuh tahun.

Saya faham bahawa segala rahsia rasmi dan surat rasmi yang saya peroleh dalam perkhidmatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau perkhidmatan mana-mana Kerajaan dalam Malaysia, adalah milik Kerajaan dan tidak akan membocorkan, menyiarkan, atau menyampaikan, sama ada secara lisan atau dengan bertulis, kepada sesiapa jua dalam apa-apa bentuk, kecuali pada masa menjalankan kewajipan-kewajipan rasmi saya, sama ada dalam masa atau selepas perkhidmatan saya dengan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau dengan mana-mana Kerajaan dalam Malaysia dengan tidak terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis pihak berkuasa yang berkenaan. Saya berjanji dan mengaku akan menandatangani satu akuan selanjutnya bagi maksud ini apabila meninggalkan Perkhidmatan Kerajaan.

Tandatangan :
Nama (huruf besar) :
No. Kad Pengenalan :
Jawatan :
Jabatan :
Tarikh :
Disaksikan oleh :

(Tandatangan)

Nama (huruf besar) :
No. Kad Pengenalan :
Jawatan :
Jabatan :
Tarikh :
Cap Jabatan :

PERAKUAN UNTUK DITANDATANGANI OLEH PEGAWAI AWAM APABILA MENINGGALKAN PERKHIDMATAN KERAJAAN BERKAITAN DENGAN AKTA RAHSIA RASMI 1972 [AKTA 88]

Perhatian saya telah ditarik kepada peruntukan-peruntukan Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88] dan saya faham dengan sepenuhnya akan segala yang dimaksudkan dalam Akta itu. Khususnya saya faham bahawa menyampaikan, menggunakan atau menyimpan dengan salah dan tidak menjaga dengan cara yang berpatutan sesuatu rahsia rasmi dan surat rasmi atau apa-apa tingkah laku yang membahayakan keselamatan atau kerahsiaan sesuatu rahsia rasmi adalah menjadi suatu kesalahan di bawah seksyen 8 Akta tersebut, yang boleh dihukum dengan penjara selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun tetapi tidak lebih daripada tujuh tahun.

Dengan ini menjadi satu kesalahan di bawah Akta tersebut bagi saya menyampaikan dengan tiada kebenaran apa-apa rahsia rasmi atau surat rasmi kepada mana-mana orang lain, sama ada atau tidak orang itu memegang jawatan dalam perkhidmatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau mana-mana Kerajaan Malaysia, dan sama ada di Malaysia atau di negara luar, sebelum dan selepas saya berhenti memegang jawatan dalam perkhidmatan dengan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau dengan mana-mana Kerajaan dalam Malaysia.

Saya mengaku bahawa tidak lagi ada dalam milik saya atau kawalan saya apa-apa perkataan kod rasmi, isyarat timbal, atau kata laluan rasmi yang rahsia, atau apa-apa benda, surat atau maklumat, anak kunci, rencana, alat meteri, atau cap bagi atau yang dipunyai, atau diguna, dibuat atau diadakan oleh mana-mana jabatan Kerajaan atau oleh mana-mana pihak berkuasa diplomat yang dilantik oleh atau yang bertindak di bawah kuasa Kerajaan Malaysia atau Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang tidak dibenarkan berada dalam milikan atau kawalan saya.

Tandatangan :
Nama (huruf besar) :
No. Kad Pengenalan :
Jawatan :
Jabatan :
Tarikh :
Disaksikan oleh :

(Tandatangan)



PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN MALAYSIA
JABATAN PERDANA MENTERI

PERAKUAN BERKAITAN AKTA RAHISA RASMI 1972

PERAKUAN UNTUK DITANDATANGANI OLEH KOMUNITI KESELAMATAN ATAU MANA-MANA PIHAK LAIN YANG BERURUSAN DENGAN PERKHIDMATAN AWAM ATAU YANG BERKHIDMAT DI KEDIAMAN RASMI KERAJAAN BERKAITAN DENGAN AKTA RAHISA RASMI 1972 [AKTA 88]

Adalah saya dengan ini mengaku bahawa perhatian saya telah ditarik kepada peruntukan-peruntukan Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88] dan bahawa saya faham dengan sepenuhnya akan segala yang dimaksudkan dalam Akta itu. Khususnya saya faham bahawa menyampaikan, menggunakan atau menyimpan dengan salah dan tidak menjaga dengan cara yang berpatutan sesuatu rahsia rasmi dan surat rasmi atau apa-apa tingkah laku yang membahayakan keselamatan atau kerahsiaan sesuatu rahsia rasmi adalah menjadi suatu kesalahan di bawah seksyen 8 Akta tersebut, yang boleh dihukum dengan penjara selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun tetapi tidak lebih daripada tujuh tahun.

Saya faham bahawa segala rahsia rasmi dan surat rasmi yang saya peroleh semasa berurusan dengan perkhidmatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau perkhidmatan mana-mana Kerajaan dalam Malaysia, adalah milik Kerajaan dan tidak akan membocorkan, menyiarkan atau menyampaikan, sama ada secara lisan, bertulis atau dengan cara elektronik kepada sesiapa jua dalam apa-apa bentuk, sama ada dalam masa atau selepas berurusan dengan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau dengan mana-mana Kerajaan dalam Malaysia dengan tidak terlebih dahulu mendapatkan kebenaran bertulis daripada pihak berkuasa yang berkenaan. Saya berjanji dan mengaku akan menandatangani satu akuan selanjutnya bagi maksud ini apabila urusan dengan perkhidmatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau perkhidmatan mana-mana Kerajaan dalam Malaysia telah selesai.

Tandatangan :
Nama (huruf besar) :
No. Kad Pengenalan :
Jawatan :
Jabatan / Organisasi :
Tarikh :
Disaksikan oleh :
(Tandatangan)
Nama (huruf besar) :
No. Kad Pengenalan :
Jawatan :
Jabatan / Organisasi :
Tarikh :
Cap Jabatan / Organisasi :

PERAKUAN UNTUK DITANDATANGANI OLEH KOMUNITI KESELAMATAN ATAU MANA-MANA PIHAK LAIN YANG BERURUSAN DENGAN PERKHIDMATAN AWAM ATAU YANG BERKHIDMAT DI KEDIAMAN RASMI KERAJAAN APABILA TAMAT KONTRAK PERKHIDMATAN DENGAN KERAJAAN BERKAITAN DENGAN AKTA RAHISA RASMI 1972 [AKTA 88]

Perhatian saya telah ditarik kepada peruntukan-peruntukan Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88] dan saya faham dengan sepenuhnya akan segala yang dimaksudkan dalam Akta itu. Khususnya saya faham bahawa menyampaikan, menggunakan atau menyimpan dengan salah dan tidak menjaga dengan cara yang berpatutan sesuatu rahsia rasmi dan surat rasmi atau apa-apa tingkah laku yang membahayakan keselamatan atau kerahsiaan sesuatu rahsia rasmi adalah menjadi suatu kesalahan di bawah seksyen 8 Akta tersebut, yang boleh dihukum dengan penjara selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun tetapi tidak lebih daripada tujuh tahun.

Dengan ini menjadi satu kesalahan di bawah Akta tersebut bagi saya menyampaikan dengan tiada kebenaran apa-apa rahsia rasmi atau surat rasmi kepada mana-mana orang lain, sama ada atau tidak orang itu memegang jawatan dalam perkhidmatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau mana-mana Kerajaan Malaysia, dan sama ada di Malaysia atau di negara luar, sebelum dan selepas saya tamat kontrak perkhidmatan dengan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau dengan mana-mana Kerajaan dalam Malaysia.

Saya mengaku bahawa tidak lagi ada dalam milik saya atau kawalan saya apa-apa perkataan kod rasmi, isyarat timbal, atau kata laluan rasmi yang rahsia, atau apa-apa benda, surat atau maklumat, anak kunci, rencana, alat meteri, atau cap bagi atau yang dipunyai, atau diguna, dibuat atau diadakan oleh mana-mana jabatan Kerajaan atau oleh mana-mana pihak berkuasa diplomat yang dilantik oleh atau yang bertindak di bawah kuasa Kerajaan Malaysia atau Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang tidak dibenarkan berada dalam milik atau kawalan saya.

Tandatangan :
Nama (huruf besar) :
No. Kad Pengenalan/ Pasport :
Jawatan :
Jabatan/Organisasi :
Tarikh :
Disaksikan oleh :
(Tandatangan)
Nama (huruf besar) :
No. Kad Pengenalan/ Pasport :
Jawatan :
Jabatan/Organisasi :
Tarikh :
Cap Jabatan / Organisasi :



PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN MALAYSIA
JABATAN PERDANA MENTERI

TAPISAN KESELAMATAN E-VETTING 3.0

Log Masuk

ID Pengguna




→ Slaid ke kanan untuk mengisi

[Lupa ID Pengguna ?](#) [Lupa Kata Laluan ?](#)

Log Masuk

[Bukan Pengguna ? Akaun Baharu](#)

[Log Masuk](#) [Soalan Lazim](#) [Aduan](#) [Manual Pengguna](#) [Hubungi Kami](#)



PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN MALAYSIA
JABATAN PERDANA MENTERI



CGSO

"Lindungi Aset Negara"



RAHSIAKAN RAHSIA KERAJAAN



PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN MALAYSIA
JABATAN PERDANA MENTERI